

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

TARIKH : 15 November 2019
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Nilam 1
Aras 1, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
JAM : 8.30 pagi – 12.30 tengah hari

AGENDA:

1. Kata-kata aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Laporan Aktiviti ECKM 2019
5. Pembentangan Laporan Status CoP
6. Pembentangan Status Laporan Pembudayaan Ilmu 2019
7. Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu Cawangan Senggara Fasiliti Jalan dan Cawangan Kerja Bangunan Am 2
8. Pembentangan Laporan Program Persada Minda 2019
9. Penyerahan Sijil Pelantikan Knowledge Manager JKR Malaysia
10. Hal – hal lain

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
1.	Sr Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah (Pengerusi)	CPAB
2.	Hjh. Aida Nuraini binti Abd Jalil	CPAB
3.	En. Razman bin Abd Rani	CDPK
4.	Pn. Noor Latifah binti Mohd Nasir	Pasukan Projek Khas 1 (Bangunan)
5.	En. Abu Hanifah bin Misdar @ Ishak	CKBA 1
6.	Sr. Marzura binti Marzuki	CKBA 2
7.	Pn. Hasilah binti Hasbullah	CKBA 2
8.	Pn. Nurul Masriha binti Che Mazlan	CJ
9.	Pn. Siti Wahida binti Sulaiman	CKIP

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
10.	Pn. Syawaitul Azrina binti Azmi	CKIP
11.	Pn. Nordiana binti Mohd Nordin	CKC
12.	Ir. Asrimayanti binti Chi Ari	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
13.	Cik Nurhidayati Binti Elfikrie	CSFJ
14.	Pn. Jennifer Tan Yi Siew	CKUB
15.	Pn. Nor Parzila binti Abdul Ghaffar (urusetia)	CPAB
16.	Pn. Safira Aiza binti Ahmad (urusetia)	CPAB

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
1.	Pn. Wan Nor Asliza binti Wan Ismail	JKR Kedah
2.	En. Syed Ridzuan bin Syed Idris	JKR Perak
3.	Pn. Alifah binti Ahmad	JKR Selangor
4.	Pn. Nik Muna Munirah binti Nik Mohd Din	JKR WP KL
5.	En. Hairul Azme bin Sukor	JKR WP Labuan
6.	En. Mohd Hairol bin Mohd Laya	JKR Negeri Sembilan
7.	Ir Mohd Fuad Zakir bin Ratimin	JKR Johor
8.	En. Sufiyan Safwan bin Abdul Hamid	JKR Johor
9.	En. Abdul Nizam bin Abdulllah	JKR WP Putrajaya
10.	En. Mohd Ikhwan bin Mohd Bustaman	JKR Kelantan
11.	En. Muhammad Samri bin Hamzah	JKR Terengganu

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

MINIT MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Ucapan Pengerusi</u>	
1.1	YBrs Sr. Dr. Khairil Hizar Md. Khuzaiman selaku Pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua Knowledge Manager yang dapat hadir ke Mesyuarat JKPPPI Bil. 4/2019 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Nilam 1, Aras 1, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Ini merupakan mesyuarat JKPPPI kali keempat dan terakhir bagi tahun 2019.	Makluman
1.2	Tuan Pengerusi menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengarah Kanan CPAB Ir. Rahim Hj. Kawangit kerana tidak dapat mempengerusikan mesyuarat ini atas perkara yang tidak dapat dielakkan.	Makluman
1.3	Tuan Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Knowledge Manager kerana sangat aktif dalam melaksanakan program dan aktiviti pembudayaan ilmu di pejabat masing-masing. Di samping itu, Knowledge Manager digalakkan untuk menyertai Program Certified Knowledge Manager bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi di dalam bidang Pengurusan Pengetahuan.	Makluman
1.4	Mesyuarat dimaklumkan terdapat beberapa aktiviti ECKM yang telah dijalankan selepas Mesyuarat JKPPPI yang lepas antaranya Program Persada Minda 2019 yang telah diadakan pada 8 – 9 Oktober 2019 di Institut Integriti Malaysia dengan bertemakan ‘Sucikan Hati Sayangi Diri’.	Makluman
1.5	Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa JKR Malaysia telah menerima lawatan penandaarasan inisiatif Pengurusan Pengetahuan daripada agensi luar termasuk UTM Skudai pada 10 Oktober 2019, Wisma Putra pada 23 Oktober 2019, MIDA pada 31 Oktober 2019 dan MCMC pada 19 November 2019.	Makluman
1.6	Mesyuarat turut dimaklumkan Bengkel Pemerkasaan CoP telah diadakan pada 13 – 14 November 2019 di mana terdapat 5 domain yang terlibat iaitu Project Management, Contract Management, BIM, BIM (Ukur Bahan) dan Struktur. Laporan yang disediakan oleh pihak vendor akan digunapakai untuk memperkasa prestasi CoP sediaada.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.7	Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan modul Expert Talk Series sedang dibangunkan di mana dua orang pakar JKR Malaysia iaitu Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (Pengurusan Tenaga Dalam Bangunan) dan Dr. Mohd Sabere bin Sulaiman, Cawangan Arkitek (Kepentingan Konservasi Bangunan Warisan) telah dijemput untuk berkongsi kepakaran masing-masing. Video yang telah disiapkan akan dimuatnaik dalam Portal JPedia dan EPSA, INTAN Bukit Kiara.	Unit ECKM
1.8	Mesyuarat dimaklumkan CREaTE akan mula melaksanakan competency-based training berbanding knowledge-based training bagi program POL bermula pada tahun 2020. Ini adalah bertujuan untuk memastikan latihan yang diberikan akan memberi nilai tambah kepada warga Jabatan.	Makluman
2.0	<u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u>	
2.1	Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pembudayaan Ilmu JKR Bil. 3/2019.	Makluman
3.0	<u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u>	
3.1	<u>Penggunaan Portal JCoP dan JPedia</u> Mesyuarat dimaklumkan Unit ECKM telah mengambil tindakan susulan ke atas soalan-soalan yang tidak dijawab dengan menghubungi Knowledge Managers dan Moderator domain yang berkenaan. Pemantauan secara berkala ke atas Portal JCoP Café turut diadakan bagi memastikan soalan yang ditanya oleh pengguna menerima maklumbalas.	Makluman
4.0	<u>Pembentangan Status Laporan Aktiviti ECKM 2019</u>	
4.1	Pn. Nor Parzila binti Abd Ghaffar telah membentangkan status pelaksanaan Aktiviti ECKM yang dijalankan dari bulan September 2019 hingga November 2019 serta perancangan aktiviti ECKM dari bulan Oktober 2019 sehingga Disember 2019. Maklumat lanjut mengenai Aktiviti ECKM 2019 boleh didapati dengan melayari laman web JPedia di https://bit.ly/2vsOvLi	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.0	<u>Pembentangan Laporan Status CoP dan JPedia</u>	
5.1	Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP dan CoP dari 25 September 2019 sehingga 14 November 2019. Mesyuarat dimaklumkan statistik pengunjung Portal JCoP dari 25 September 2019 sehingga 14 November 2019 adalah seperti berikut: • Bagi tempoh 25 September 2019 sehingga 14 November 2019 penggunaan paling tinggi adalah pada Oktober iaitu sebanyak 217. Peningkatan drastik adalah hasil dari edaran hebahan e-risalah berkenaan Portal JCoP. • Catatan penggunaan terendah sepanjang tempoh 25 September 2019 hingga 14 November 2019 adalah pada bulan November iaitu 45 kunjungan.	Makluman Makluman
5.2	Mesyuarat dimaklumkan bahawa statistik interaksi Portal JCoP Café mencatatkan penurunan secara keseluruhan adalah sebanyak 54% seperti perincian berikut: • Penurunan soalan sebanyak 25% iaitu dari 68 soalan kepada 37 soalan • Penurunan jawapan sebanyak 52% iaitu 126 jawapan kepada 60 jawapan • Penurunan komen sebanyak 63% iaitu 75 komen kepada 28 komen	Makluman
5.3	Mesyuarat dimaklumkan bahawa dalam tempoh 25 September 2019 sehingga 14 November 2019 terdapat 213 soalan tiada jawapan. Unit ECKM akan mengemukakan soalan tersebut kepada Knowledge Manager yang berkenaan untuk dipanjangkan kepada Moderator JCoP yang telah dinamakan. Selain daripada itu juga Bengkel Pemantapan dan Roadshow JCoP dan JPedia akan diadakan bagi mengatasi masalah ini.	Unit ECKM & Knowledge Manager

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6.0	Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu	
6.1	Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu Cawangan Senggara Fasiliti Jalan Knowledge Manager Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di CSFJ. Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu CSFJ boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di https://bit.ly/2uHXJTv	Makluman
6.2	Pembentangan Laporan Pembudayaan Cawangan Kerja Bangunan Am 2 Knowledge Manager Cawangan Kerja Bangunan Am 2 telah membentangkan kepada mesyuarat Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di CKBA 2. Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu CKBA 2 boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di https://bit.ly/2VyVA7J	Makluman
7.0	<u>Pembentangan Laporan Program Persada Minda 2019</u>	
7.1	Persada Minda @ JKR 2019 En. Razman bin Abd Rani, Knowledge Manager CDPK telah memaklumkan program Persada Minda @ JKR 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 8 – 9 Oktober 2019 bertempat di Auditorium Integriti, Institut Integriti Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur.	Makluman
	Mesyuarat dimaklumkan program yang bertemakan “Minda, Fizikal dan Jiwa: Sucikan Hati, Sayangi Diri” telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), YBrs Ir. Kamaluddin Bin Haji Abdul Rashid dan dihadiri oleh seramai 315 orang peserta.	Makluman
	En. Razman seterusnya memaklumkan antara aktiviti yang telah adakan termasuk Segmen Bual Bicara, Segmen Perkongsian Ilmu, Penyampaian Sijil Penghargaan Khas Kepada Penyumbang Pembudayaan Ilmu JKR Malaysia, Sesi Pelancaran Buku dan Sesi Senaman Ringan.	Makluman
	Maklumat lanjut mengenai rogram Persada Minda @ JKR 2019 boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di https://bit.ly/38glwHL	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
9.0	<u>Penyerahan Sijil Pelantikan Knowledge Manager JKR Malaysia</u>	
9.1	Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah menyerahkan Sijil Perlantikan Knowledge Manager JKR Malaysia yang baru dilantik. Antara terma tugas dan tanggungjawab Knowledge Manager termasuk memberi kesedaran dan pemahaman berhubung dengan program Pengurusan Kandungan dan Pengetahuan kepada anggota kerja di tempat dan melaksana dan memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif Pengurus Pengetahuan di tempat tugas.	Makluman
10.0	<u>Hal-hal Lain</u>	
10.1	Ir. Asrimayanti binti Chi Ari, Knowledge Manager CREaTE memaklumkan bahawa pada Oktober 2019 CREaTE telah mengadakan bengkel sesi kesedaran mengenai Knowledge Management. CREaTE bercadang untuk melaksanakan CoP Create dan meminta bantuan kepakaran Unit ECKM dalam proses pelaksanaan tersebut.	Makluman
11.0	<u>Penutup</u>	
11.1	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga atas semua maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2019)**

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

.....
Pn. Safira Aiza Binti Ahmad

Penolong Jurutera Awam

Unit ECKM

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

.....
Mohammad Syahmi Bin Abdullah

Jurutera Elektrik

Unit ECKM

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Disahkan Oleh:

.....
Sr Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah

Jurukur Bahan Penguasa

Unit ECKM

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia